


Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite

Buka Potensi Pendapatan Global dengan Yakin

Memperkenalkan **DANA USD/SGD FOKUS-DIVIDEN AIA INFINITE** ("Dana") – dana pembayaran dividen **PERTAMA DI PASARAN** untuk pelan insurans berkaitan pelaburan¹ yang direka khas untuk pelanggan yang bijak dan mencari pendapatan berkala serta pulangan keseluruhan jangka panjang.

Mengapa memilih dana ini?



Potensi dividen secara suku tahunan sehingga 7% - 8% setahun^{2,3}

Menyasar untuk memberikan pendapatan berkala dan pulangan keseluruhan dalam jangka masa panjang.



Portfolio pelbagai aset dengan capaian global

Pendedahan yang pelbagai merentasi kelas aset, memanfaatkan peluang pendapatan global yang biasanya hanya tersedia kepada pelanggan institusi.



Penyelesaian pendapatan yang diperibadikan

Akses kepada pelbagai strategi penjana pendapatan yang menarik dalam satu dana, diperibadikan khas untuk pelanggan **AIA Infinite Prosperity^{4,5}**

Pengurusan oleh AIA Investments

Dana ini diuruskan oleh pasukan profesional kekayaan yang berdedikasi dan disokong oleh kepakaran AIA Investments – cabang pelaburan AIA Group, yang bertanggungjawab menguruskan lebih daripada US\$305 bilion aset⁶.

1. Maklumat setakat 1 January 2026, dibandingkan dengan produk insurans berkaitan pelaburan yang mempunyai pilihan mata wang asing di Malaysia.
2. Pengagihan dividen tidak dijamin dan mungkin berbeza bergantung kepada keadaan pasaran, termasuk kemungkinan tiada pengagihan dalam tempoh tertentu. Prestasi masa lalu bukan petunjuk prestasi masa depan, dan prestasi dana adalah tidak terjamin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lembaran Fakta Dana.
3. AIA Bhd. bertujuan untuk mengagihkan dividen daripada pendapatan dan/atau keuntungan direalisasi bersih Dana, dan AIA Bhd. mempunyai budi bicara untuk mengagihkan dividen daripada modal. Pelanggan perlu sedar bahawa apabila dividen diagihkan daripada modal, ia mungkin mengurangkan jumlah pelaburan asal pelanggan dan seterusnya boleh mengurangkan pulangan masa depan pelanggan. Apabila dividen diagihkan dan dibayar daripada Dana, aset bersih Dana akan berkurang dengan jumlah yang setara dengan dividen yang diisytiharkan. Ini akan menyebabkan pengurangan harga seunit.
4. **Pelan insurans ini bergantung kepada prestasi aset asas, dan bukan produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
5. AIA Bhd. adalah ahli PIDM. Polisi/produk ini TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
6. Sumber: AIA Group Annual Report 2024.

Disokong oleh Prestasi yang Terbukti

Dana ini adalah Dana daripada Dana-dana yang melabur dalam gabungan kukuh Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang menjana pendapatan:

- AIA Equity Income Fund (oleh AIA Investment Management, diuruskan bersama dengan Wellington Management Co LLP)
- Allianz Income & Growth Fund (oleh Allianz Global Investors)
- Franklin Income Fund (oleh Franklin Templeton Investments)

CIS Sandaran	Prestasi Dana 1-Tahun setakat 31 Disember 2024 ⁷	
	Dolar Amerika (USD)	Dolar Singapura (SGD)
AIA Equity Income Fund	16.32%	20.29%
Allianz Income & Growth Fund	9.94%	13.70%
Franklin Templeton Income Fund	7.03%	10.69%

7. Prestasi dana hanya untuk rujukan dan bukan prestasi masa lalu yang sebenar, kerana dana hanya akan dilaburkan dalam CIS asas ini selepas 1 bulan dari tarikh pelancaran dana.

Ambil Langkah Seterusnya

Ketahui bagaimana Dana ini boleh meningkatkan polisi insurans anda.

Bercakaplah dengan Perancang Hayat AIA anda hari ini!



Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas mengenai dana dan tidak menyeluruh. Adalah disyorkan agar anda merujuk kepada Lembaran Fakta Dana untuk mengetahui lebih lanjut tentang dana berkaitan pelaburan. Sebelum memperuntukkan premium anda kepada mana-mana dana berkaitan pelaburan, kami menggalakkan anda membaca lembaran fakta dana yang berkaitan dan menilai profil risiko anda untuk memastikan dana yang dipilih selaras dengan matlamat kewangan anda. Kami mengesyorkan agar anda berbincang dengan Perancang Hayat AIA kami yang akan menjalankan analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan yang tepat. Untuk senarai penuh dana yang ditawarkan oleh AIA Bhd., sila layari www.aia.com.my.

AIA Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.